

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia membantu; **anda juga patut membacanya.** LPP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok.



1 Apakah Takafulink Single Invest?

Tarikh: 14 Nov 2025

Takafulink Single Invest menawarkan gabungan perlindungan Takaful dan pelaburan. Jika anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya kekal dan keseluruhan semasa tempoh sijil, ia membayar mana yang tertinggi di antara manfaat Kematian atau Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) atau nilai pelaburan, pada masa tuntutan akan dibayar. Apabila matang, nilai Akaun Pelaburan Peserta (APP) akan dibayar sebagai Manfaat Matang.

Konsep Syariah dan jenis dana yang diguna pakai:

- **Takaful** - Konsep saling membantu antara Peserta-Peserta untuk memberi caruman kepada Dana Risiko Peserta (DRP) bagi manfaat Takaful yang akan dibayar kepada Peserta-Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah** - Pelantikan wakil bagi menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, Kami akan menguruskan Sijil Takaful anda dengan mengenakan Yuran *Wakalah* pendahuluan kepada anda.
- **Tabarru'** - Jumlah wang yang dicarumkan oleh anda ke dalam DERP berdasarkan kontrak sumbangan.
- **Qard** - Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Kami jika berlakunya defisit terhadap DERP. Pinjaman tersebut akan dibayar semula apabila DERP kembali kepada posisi lebihan.
- **Hibah** - Kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan daripada DERP kepada Peserta yang layak.
- **Hibah Bersyarat** - Hadiah bersyarat di mana anda bersetuju untuk memindahkan pemilikan ke atas manfaat Takaful untuk dibayar kepada penama apabila anda meninggal dunia.
- **Ju'alah** - Ganjaran diberikan kepada Kami berdasarkan prestasi DERP, di mana 50% daripada lebihan bersih (jika ada) akan dikongsi dengan Kami pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Dana Risiko Peserta (DRP)** - Akaun pegangan Peserta yang mana potongan *Tabarru'* akan dikreditkan untuk tujuan bantuan bersama yang akan digunakan untuk membantu Peserta-Peserta yang memerlukan.
- **Akaun Pelaburan Peserta (APP)** - Akaun pegangan Peserta untuk Caruman, di mana pembahagian keuntungan pelaburan, jika ada, dan lebihan bersih daripada DERP. Jumlah 100% daripada keuntungan pelaburan akan diberikan kepada anda.

2 Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM384,615**, anda akan menerima **perlindungan** Takaful berikut:

Manfaat Kematian / HUKK	RM500,000 atau nilai APP, yang mana lebih tinggi
Manfaat Matang	Nilai APP

Nota:

- Jumlah Perlindungan Permulaan adalah 130% daripada Caruman Awal. Jumlah Perlindungan mungkin disemak semula tertakluk kepada jika anda membuat sebarang pengeluaran separa / caruman tambahan.
- Semua manfaat kecuali Manfaat Matang akan dibayar daripada DERP dan adalah dijamin.
- **Sila minta daripada pengantara anda untuk mendapatkan contoh Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan dan PERLINDUNGAN UNTUK MANFAAT DARIPADA BAHAGIAN UNIT ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful Berkaitan Pelaburan anda **mengecualikan**:

- Kematian – Tiada manfaat akan dibayar jika berlaku kematian akibat bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun.
- HUKK – Mencederakan diri sendiri atau mana-mana cubaan ke arahnya semasa waras atau tidak waras.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila merujuk Sijil Takaful bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://zurich.com.my/singleinvest>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Takaful Berkaitan Pelaburan ini, anda mesti membayar caruman Takaful sebanyak:

Caruman Awal	RM384,615
Anda hanya perlu mencarum sekali sahaja untuk pelan ini. Namun, anda boleh membuat tambah nilai pada bila-bila masa untuk memaksimumkan pelaburan anda.	
Pengendali Takaful memperuntukkan sebahagian daripada caruman untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Caruman diperuntukkan untuk pembelian unit	95.00% daripada jumlah caruman atau RM365,384 Sila rujuk kepada Ilustrasi Pemasaran untuk butiran lanjut.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Komisen / Yuran <i>Wakalah</i>	Yuran <i>Wakalah</i> yang perlu anda bayar ialah 5.00% atau RM19,231 daripada jumlah caruman. Ia terdiri daripada 3.75% atau RM14,423 komisen kepada Perancang Kewangan.
Caj lain yang berkenaan	<i>Tabarru'</i> - ditolak secara bulanan daripada APP ke DRP. Yuran Perkhidmatan untuk Caruman Awal - RM100. Yuran Perkhidmatan untuk Caruman Tambahan - RM25. Yuran Penukaran - satu penukaran percuma adalah diberikan bagi setiap tahun sijil. Setiap penukaran yang selepasnya ialah RM50 . Yuran Pengeluaran Separa - RM50 setiap pengeluaran separa. Yuran Pengurusan Dana - sila rujuk Lembaran Fakta Dana. Cukai - caruman dan yuran mungkin tertakluk kepada cukai dan sebarang levi kerajaan, jika berkenaan.

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau Sijil ditamatkan.
- Caruman, kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. Caruman dan kadar *Tabarru'* adalah berdasarkan risiko biasa dan berbeza bergantung kepada keputusan pengunderaitan.
- Anda boleh melakukan pengeluaran separa daripada APP, pada bila-bila masa. Pengeluaran separa boleh mengakibatkan Sijil luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa hadapan
- Keuntungan pelaburan daripada APP adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana yang sebenar.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk Sijil bagi senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat.

? Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Sijil anda dalam 15 hari selepas penghantaran Sijil. Caruman yang anda telah dibuat (ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Pembatalan/Penyerahan:** Selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan Sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Nilai Serahan Sijil adalah bersamaan dengan nilai APP, selepas menolak sebarang jumlah tertunggak dan caj-caj yang berkenaan.

Zurich Takaful Malaysia Berhad [No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)] didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.